

LAND LAW AND SURVEY REGULATION (SBEU 4313)

WEEK 3 – PELUPUSAN TANAH

Sr DR. TAN LIAT CHOON

07-5543157

016-4975551

ISI KANDUNGAN

- Pengenalan
- Pelupusan Melalui Pemberimilikan (S5, S76)
- Pelupusan Melalui Perizaban (S62-S64)
- Pelupusan Melalui Lesen (S65-S75G)

PENGENALAN

Berimilik

- ❑ Pada asalnya semua tanah terletak di dalam sempadan sesuatu Negeri sebelum ianya dilupuskan termasuk bahan-bahan mineral dan bahan batu yang terdapat di dalamnya adalah terletak hanya kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan.
- ❑ Kemudian PBN bertindak melupuskan sesuatu tanah itu untuk digunakan atau diduduki sama ada di bawah suatu hakmilik, lesen pendudukan sementara atau dengan cara merizabkannya atau membenarkan pengambilan bahan batu melalui permit.
- ❑ Di bawah Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828) pelupusan ditakrifkan sebagai apa-apa pelupusan tanah yang dibuat oleh PBN dalam menjalankan kuasa-kuasa yang sama di bawah undang-undang tanah terdahulu.

Berimilik

□ Tanah pada mulanya, terletak hak pada Kerajaan Negeri. Ia kemudiannya membenarkan penggunaannya atau pendudukan di atasnya secara pegangan hakmilik, lesen pendudukan sementara, atau secara perizaban, atau untuk pengeluaran bahan batuan yang diberi secara pengeluaran permit atau apa-apa hak lain di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828).

□ Apabila pemberimilikan disempurnakan, iaitu setelah hakmilik bagi sesekeping tanah itu didaftarkan, hak atasnya berpindah daripada Pihak Berkuasa Negeri kepada orang atau badan yang namanya tercatat dalam hakmilik itu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Berimilik

Dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828), berimilik bermaksud melupuskan tanah Kerajaan untuk selamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun, sebagai balasan kepada pembayaran sewa, dan selainnya selaras dengan peruntukan seksyen 76 atau, apabila digunakan berkaitan dengan tempoh sebelum mula berkuat kuasa Akta ini, untuk melupuskan tanah Kerajaan untuk selamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun di bawah undang-undang tanah terdahulu (yang bukannya undang-undang mengenai lombong).

Berimilik

Dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828), tanah berimilik bermaksud sebarang tanah (termasuk mana-mana tanah untuk pecah bahagi bangunan) yang hakmilik berdaftar pada tempoh yang ditentukan sama ada untuk selama-lamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun di bawah undang-undang tanah terdahulu (yang bukannya undang-undang mengenai lombong).

Berimilik

□ Hakmilik ialah hasil terakhir kepada pemberimilikan. Ia menjadi bahan bukti keempunyaan tanah. Pada asasnya hakmilik mengandungi dua maklumat – siapa tuan punya dan tanah mana ia miliki.

□ Sungguhpun demikian, terdapat beberapa maklumat lain yang berkaitan terkandung dalamnya untuk tujuan tertentu. Misalnya jumlah cukai tahunan, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan bertujuan untuk mengingatkan tuan punya tentang apa yang ia kena lakukan dan apa yang ia tidak boleh lakukan.

Alienation

- Sarawak

“alienation” means the sale, lease or other disposal by a document of title of State land by or on behalf of the Government

- Sabah

“alienate” means to lease, or otherwise dispose of State land on behalf of the Government in consideration of the payment of such rent and of such premium, if any, as may be required

Kuasa Pelupusan (S42)

☐ Kuasa yang diperuntukan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 42 Kanun Tanah Negara (Akta 828):

- a) Memberimilik tanah kerajaan (S76 Kanun Tanah Negara, (Akta 828);
- b) Merizabkan tanah kerajaan, memberi pajakan tanah rizab;
- c) Mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara atas tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong;
- d) Mengeluarkan permit mengambil dan mengalih bahan batu daripada mana-mana tanah, **SELAIN** tanah rizab hutan; dan
- e) Mengeluarkan permit penggunaan ruang udara atas tanah kerajaan atau tanah rizab.

Kuasa Pelupusan (S42)

(2) Tiada apa jua dalam Akta ini akan membolehkan Pihak Berkuasa Negeri:

(a) Melupuskan mana-mana tanah untuk maksud melombong (dalam erti yang terkandung dalam Enakmen Perlombongan);

(b) Membenarkan mengeluarkan atau mengambil bahan batuan dari mana-mana tanah untuk maksud mendapatkan logam atau galian daripadanya;

(c) Melupuskan mana-mana tanah untuk maksud mengambil hasil hutan daripadanya; atau

(d) Memberimilik mana-mana tanah yang kurang daripada dua perlima hektar tertakluk kepada kategori 'pertanian' atau kepada mana-mana syarat yang memerlukan penggunaannya bagi apa-apa maksud pertanian yang dipegang oleh lebih dari seorang atau badan, dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh, dalam keadaan-keadaan tertentu, memberimilik tanah tersebut kepada lebih dari seorang atau badan walaupun tanah itu kurang dari dua perlima hektar.

Kuasa Pelupusan (S42)

❑ Tanah Kerajaan merangkumi semua tanah negeri berkenaan termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, dan tepi pantai, dan dasar laut yang termasuk dalam (*wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah*) selain daripada tanah milik, tanah lombong, tanah rizab dan tanah hutan.

Catatan:

- i. Batas perairan wilayah (*Negeri*) (limit of territorial waters) adalah 3 batu nautika mengikut (Essential Power) Ordinance 1969.
- ii. Batas perairan antarabangsa (limit of international waters) adalah 12 batu nautika (Territorial Sea mengikut UNCLOS 1982).

Kuasa Pelupusan (S42)

- ❑ Pihak Berkuasa Negeri boleh memberimilik tanah persisiran pantai dan dasar laut dalam bentuk pajakan tidak melebihi 99 tahun.

- ❑ Hakmilik didaftarkan dalam bentuk hakmilik Pejabat Pendaftar dan syarat-syarat mutatis mutandis peruntukan pemberimilikan tanah paras bumi.

- 1 batu nautika di laut (1 nm) = 6080 kaki = 1853.18 meter
- 1 batu di daratan = 5280 kaki = 1609.34 meter

Kuasa Pelupusan (S42)

- ❑ Tanah lombang ialah mana-mana tanah yang telah diberi atau dikeluarkan pajakan melombong atau sijil melombong di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenainya yang sedang berkuatkuasa.
- ❑ Tanah rizab ialah tanah yang dirizabkan untuk maksud awam menurut peruntukan S62 atau mana-mana undang-undang terdahulu (rizab padang permainan, padang ragut, kubur dll).
- ❑ Rizab hutan ialah mana-mana tanah yang dirizabkan sebagai hutan di bawah undang-undang perhutanan.

PELUPUSAN MELALUI PEMBERIMILIKAN (S5, S76)

Pemberimilikan

❑ Pemberimilikan bermaksud pelupusan tanah kerajaan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 76):

(a) Untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun;

(aa) Untuk tempoh selama-lamanya; di mana:

- (i) Kerajaan Persekutuan menghendaki Pihak Berkuasa Negeri memberi untuk selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada sesuatu Pihak Berkuasa Awam;
- (ii) (Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa tanah itu akan digunakan bagi maksud awam; dan
- (iii) Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa terdapat keadaan-keadaan istimewa yang membuatnya sesuai dilupuskan untuk selama-lamanya.

Pemberimilikan

(b) Sebagai balasan pembayaran cukai tahunan;

(c) Sebagai balasan bayaran premium (melainkan sesuai dikecualikan);

(d) Tertakluk kepada suatu kategori tanah (jika dikenakan);
dan

(e) Tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan kepentingan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

PBN Semasa Meluluskan Pemberimilikan

☐ Pihak Berkuasa Negeri semasa meluluskan pemberimilikan hendaklah menentukan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Keluasan tanah yang diluluskan;
- ii. Tempoh pegangan tetap;
- iii. Kadar cukai tahunan;
- iv. Kadar premium (jika dikenakan);
- v. Kategori penggunaan tanah (jika dikenakan); dan
- vi. Syarat nyata dan sekatan kepentingan (jika dikenakan).

Orang Atau Badan (S43)

- ❑ Orang dan badan yang kepadanya tanah boleh diberimilik:
 - i. Manusia biasa yang cukup umur (menurut Age of Majority Act 1971) - 18 tahun ke atas;
 - ii. Perbadanan yang diberi kuasa di bawah perlembagaannya untuk memiliki tanah seperti Perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Koperasi dll;
 - iii. Raja pemerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa memegang tanah di bawah 'Diplomatic and Consular Privileges Ordinance 1957'; dan
 - iv. Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain seperti Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanagn Kemajuan Negeri dll.

Syarat-Syarat Lain

- a) Bagi tanah dalam kawasan simpanan Melayu hanya kepada orang Melayu;
- b) Bagi tanah yang diisytiharkan sebagai kawasan orang asli atau kawasan simpanan orang asli, kepada orang asli sahaja;
- c) Di Kelantan, hanya kepada rakyat Kelantan sahaja; dan
- d) Di Terengganu, tanah pegangan Melayu hanya kepada orang Melayu.

□ Apabila hakmilik didaftarkan, hakmilik tersebut dijamin oleh Pihak Berkuasa Negeri dan tidak boleh disangkal lagi. (Bagaimana kalau berlaku penipuan dan penyalahgunaan kuasa?)

Hak Tuan Punya Tanah Berdaftar

- ❑ Mengguna dan menikmati secara munasabah seluas mana ruang udara yang ada di atas permukaan tanahnya dan seluas mana tanah yang di bawah permukaan bumi (tertakluk kepada keadaan).
- ❑ Memindahmilik, memajak, menggadai, memberi lien, memberi sewaan dan ismen serta lain-lain urusan niaga.
- ❑ Memecah sempadan, memecah bahagian, menyatukan dan memecah bahagian bangunan.

Hak Tuan Punya Tanah Berdaftar

- ❑ Menyerah balik semua atau sebahagian tanahnya.
- ❑ Pengekalan atas tanah dalam keadaan aslinya oleh mana-mana tanah di sebelah dan hak asli lain sedia ada di atas tanah itu.
- ❑ Di mana tanah itu bersempadan dengan perhentian awam (tepi pantai atau sungai, stesen keretapi atau jalan awam), berhak kepada jalan keluar dan masuk ke situ (tanah dianggap sebahagian bersempadan dengan perhentian awam meskipun terpisah oleh tanah kerajaan atau tanah rizab yang ada hubungannya dengan perhentian awam tersebut).

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

□ Apabila Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pemberimilikan suatu tanah, jumlah yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh orang atau badan yang kepadanya diluluskan pemberimilikan itu:

- i) Cukai tanah tahun pertama;
- ii) Premium (jika dikenakan);
- iii) Bayaran ukur jika pengukuran akan dijalankan oleh Pegawai Ukur Kerajaan; dan
- iv) Bayaran penyediaan dan pendaftaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap.

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

Bayaran tersebut di atas dituntut oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Borang 5A Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan jika tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh lanjutan yang dibenarkan, maka dengan sendirinya kelulusan pemberimilikan tersebut luput.

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

□ Cukai tahun pertama ialah cukai yang kena dibayar sebaik sahaja pemberimilikan tanah yang diluluskan dan dikira seperti berikut (S94):

- i. Jika tanah diberimilik (didaftarkan hakmilik) sebelum akhir bulan September, cukai tahunan pertama adalah bagi tahun dalam mana tanah itu diberimilik.

Contoh:

Tanah diberimilik pada 15hb Julai 2022, cukai tahunan pertama kena dibayar adalah untuk tahun 2022.

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

- ii. Jika tanah diberimilik selepas bulan September, cukai tahun pertama adalah cukai bagi tahun berikutnya.

Contoh:

Tanah diberimilik pada 15hb November 2022, cukai tahun pertama kena bayar adalah untuk tahun 2023.

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

Cara untuk mengira jumlah cukai dan premium yang kena dibayar ke atas sesuatu tanah yang diberimilik menurut kadar yang dinyatakan dalam peruntukan Kaedah Tanah Negeri berkenaan:

i. Kiraan keluasan tanah (S96 Kanun Tanah Negara, Akta 828)

a) Tanah Bandar atau Pekan

Jika keluasan pada kiraan hektar, tiap-tiap pecahan yang kurang daripada 1/100 hektar dikira sebagai 1/100 hektar (0.01 hektar).

Contoh:

1.246 = 1.25 ha

7.308 = 7.31 ha

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

Jika keluasan pada kiraan suatu unit yang selain daripada hektar (seperti meter persegi), tiap-tiap pecahan yang kurang daripada suatu unit dikira sebagai satu unit penuh.

Contoh:

1234.30 mp = 1235 mp (jika kadarnya per 1 mp)

1234 mp = 1240 mp (jika kadarnya per 10 mp)

1234 mp = 1300 mp (jika kadarnya per 100 mp)

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

b) Tanah Desa atau Persisiran Pantai atau Dasar Laut

Jika keluasan pada kiraan hektar, tiap-tiap pecahan yang kurang daripada 1/10 hektar dikira sebagai 1/10 hektar (0.1 hektar).

Contoh:

1.246 = 1.3 ha

Jika keluasan pada kiraan suatu unit selain daripada hektar, tiap-tiap pecahan yang kurang daripada satu unit dikira sebagai satu unit penuh.

Contoh:

1234.30 mp = 1235 mp (jika kadarnya per 1 mp)

1234 mp = 1240 mp (jika kadarnya per 10 mp)

1234 mp = 1300 mp (jika kadarnya per 100 mp)

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

ii. Pengiraan nilai wang

a) Bagi semua jenis tanah (Bandar, Pekan, Desa, Persisiran Pantai atau Dasar Laut):

Apa-apa jumlah kiraan yang kurang daripada RM1 hendaklah dikira sebagai RM1.

Contoh:

RM 50.05 = RM 51

Pelupusan Melalui Pemberimilikan

❑ Sesuatu tanah milik akan kembali menjadi tanah Kerajaan dan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam keadaan berikut (S46 Kanun Tanah Negara, Akta 828):

- i. Apabila hakmilik tanah tamat tempohnya [S46(1)];
- ii. Setelah perwartaan di bawah S130 di dalam Warta Kerajaan [Notis Perampasan kerana tidak membayar cukai (S100) atau pelanggaran syarat (S129)];
- iii. Tuan punya tanah dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah (tanah desa kurang daripada 4 hektar) meninggalkan dan tidak mengusahakan tanahnya selama 7 tahun kebelakangan (S352);
- iv. Tuan punya tanah menyerah balik tanahnya kepada Pihak Berkuasa Negeri (S199); dan
- v. Tanah menjadi dasar laut atau sungai akibat hakisan (S49).

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ❑ Pada 23hb Februari 1990 melalui Akta A752 peruntukan Bahagian 5A Kanun Tanah Negara (Akta 828) bertajuk 'Pelupusan Tanah Di Bawah Paras Bumi' merangkumi S92A hingga S92i telah diperkenalkan di mana melalui peruntukan ini, tanah di bawah paras bumi diberimilik dalam bentuk lapisan isipadu (panjang x lebar x tinggi) yang dikenali sebagai stratum.
- ❑ Peruntukan ini membolehkan sebidang tanah diberimilik secara stratum berlapis-lapis kepada beberapa pemilik yang berasingan.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

□ S92B(1) membolehkan Pihak Berkuasa Negeri menentukan had kedalaman sesuatu tanah yang diberimilik di mana:

- a) Ianya hendaklah dicatatkan di dalam dokumen hakmilik dan berfungsi sebagai syarat nyata; dan
- b) Tanah yang di bawah had kedalaman yang telah ditentukan itu adalah terus tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah kerajaan [S92B(4)].

Kedalaman Minimum

KEDALAMAN
MINIMUM

Warta Kerajaan P.U.(A) 414 bagi peraturan dalam Kanun Tanah Negara (Tanah Bawah Tanah) (Kedalaman Minimum) telah berkuatkuasa pada 5 Disember 2006

Kedalaman Minimum

Jenis Tanah

	Pertanian	Bangunan	Industri
1. Seksyen 92B	6 meter	10 meter	15 meter
2. Secksyen 92E	6 meter	10 meter	15 meter

Kedalaman Minimum

Pertanian

(Tanah permukaan)




} 6 meter (kedalaman minimum)

} y - boleh dipohon hakmilik stratum

Bangunan

(Tanah permukaan)




} 10 meter (kedalaman minimum)

} y - boleh dipohon hakmilik stratum

Kedalaman Minimum

Industri



Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ❑ Pihak Berkuasa Negeri boleh memberimilik stratum dalam bentuk:
 - a) Mana-mana tanah di bawah tanah kerajaan termasuk tanah kerajaan daripada maksud S92B(4) iaitu yang terletak di luar had kedalaman tanah berimilik yang tercatat dalam dokumen hakmilik tersebut (S92C);
 - b) Tanah kerajaan yang diberi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di bawah S65 atau LPS beserta dengan permit memindah bahan batuan (LPSP) di bawah S69, hanya boleh diberimilik (S92C) setelah LPS atau LPSP tersebut luput ataupun ditamatkan dengan bayaran pampasan tertentu kerana LPS dan LPSP adalah tertakluk kepada S44(1)(a);

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- c) Tanah A.A (Approved Application) dan A.O (Approved Occupation) adalah dikira masih sebagai tanah kerajaan. Walau bagaimanapun pemegang A.A dan A.O mempunyai kepentingan atas tanah tersebut. Untuk mengelakkan kekeliruan dan masalah, adalah lebih wajar tanah A.A dan A.O berkenaan didaftarkan hakmiliknya terlebih dahulu;
- d) Peruntukan Kanun Tanah Negara (Akta 828) mengenai pemberimilikan tanah adalah terpakai '**mutatis mutandis**' kepada pemberimilikan tanah di bawah bumi tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian oleh Menteri Besar dan Pembangunan Koperasi, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara melalui arahan yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

Mutatis Mutandis

Mutatis mutandis berasal dari bahasa Latin yang artinya adalah "perubahan yang penting yang perlu dilakukan". Istilah ini digunakan semasa membandingkan dua situasi dengan variabel yang berbeda. Istilah ini memiliki konotasi agar pembaca mencurahkan perhatian pada perbedaan pernyataan masa itu dan pernyataan sebelumnya. Istilah ini sering digunakan pada bidang ekonomi, falsafah dan hukum untuk mengukur sebuah pernyataan dengan istilah baru. Contoh penggunaan istilah ini dalam peraturan perundang-undangan Istilah ini juga sering digunakan dalam perjanjian. Ia adalah erti membuat perubahan yg sewajarnya tanpa menjejaskan fakta utama (dlm membandingkan kes).

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

□ Pihak Berkuasa Negari apabila memberimilik stratum hendaklah:

- a) Menentukan atau menjelaskan kegunaan stratum tersebut sama ada berkaitan atau tidak dengan penggunaan tanah di atas paras bumi;
- b) Menentukan syarat-syarat yang stratum tersebut tertakluk penggunaannya termasuk:
 - i. Syarat bagi menyediakan perlindungan dan sokongan yang perlu terhadap kesemua tanah dan bawah tanah yang bersempadan dengan stratum tersebut;

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ii. Syarat bagi menyediakan satu atau beberapa jalan keluar masuk menurut yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri daripada keseluruhan bahagian stratum tersebut ke permukaan tanah kerajaan atau ke lain-lain tempat yang dicadangkan oleh pemohon dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- iii. Syarat yang pada fikiran Pihak Berkuasa Negeri sesuai berhubung dengan apa-apa kerja pembinaan berstruktur yang hendak dilaksanakan di dalam stratum tersebut termasuk syarat yang melindungi hak Pihak Berkuasa Negeri di bawah S45(2) mengenai pengambilan bahan logam dan galian, pemindahan bahan batuan atau hasil hutan daripada sempadan lot stratum;

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- iv. Syarat yang pada fikiran Pihak Berkuasa Negeri sesuai bagi melindungi hak di bawah S58 iaitu untuk melaksana, membuat atau memasang apa-apa perparitan, pembentungan, paip, kabel atau pendawaian untuk laluan air dan apa-apa bahan melalui, di atas, di bawah atau melintas stratum tersebut dan lain-lain kerja yang bersangkutan, dan kemudiannya memeriksa, menggunakan, menyelenggara, membaiki, mengalih atau meletakkan semula serta lain-lain kerja yang bersangkutan;

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- v. Syarat yang menetapkan bahawa perbelanjaan bagi pemindahan, pengalihan atau meletakkan semula apa-apa perparitan, pembentungan, paip, kabel atau pendawaian beserta kerje-kerja yang berkaitan dengannya adalah ditanggung oleh pemilik stratum; dan
- vi. Lain-lain syarat yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti penyediaan halangan dan perlindungan daripada kebakaran dan banjir, peredaran udara yang baik, laluan awam di antara stratum, laluan keluar kecemasan dan lain-lain.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ❑ Kesemua syarat hendaklah dicatitkan di dalam dokumen hakmilik dan berfungsi sebagai syarat nyata bagi stratum tersebut.
- ❑ Tuan punya mana-mana tanah yang tertakluk kepada peruntukan S44(1)(a) boleh membuat permohonan secara bertulis di bawah S92D(1) kepada PBN supaya tanah di bawah paras bumi tanah miliknya:
 - a) Digunakan untuk tujuan yang berasingan dan tidak berhubungan dengan penggunaan yang sah paras bumi; dan

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- b) Diberimilik kepadanya di bawah S92C untuk dipegang secara hakmilik berasingan dengan tanah paras bumi sama ada keseluruhan atau sebahagian. Melalui permohonan ini tuan punya tanah seolah-olah telah menyerahkan segala haknya di bawah S44(1)(a) kepada PBN sebagai tanah kerajaan bagi tanah di bawah dan sehingga kepada had kedalaman yang dinyatakan di dalam permohonan tersebut.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

□ Permohonan sebegini hendaklah terlebih dahulu dimohon daripada setiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar atas tanah atau menduduki tanah berkenaan di bawah suatu tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran melainkan di dalam keadaan tertentu yang dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ❑ Bayaran yang perlu dijelaskan semasa kelulusan:
 - a) Cukai tahun pertama;
 - b) Premium;
 - c) Bayaran ukur (jika dilakukan oleh Jabatan Ukur);
 - d) Bayaran penyediaan dan pendaftaran dokumen-dokumen hakmilik pendaftar;
 - e) Pindahan premium tanah paras bumi (jika difikirkan perlu) dalam keadaan di mana tuan tanah asal memohon untuk pemberimilikan stratum.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

□ Pengiraan cukai dan premium:

- a) Cukai bagi pemberimilikan dalam bentuk stratum dikira mengikut meter padu (cubic metre);
- b) Bagi semua kumpulan tanah sama ada tanah desa, tanah pekan, tanah bandar atau tanah pinggir pantai atau dasar laut, keluasan yang kurang daripada 1 meter padu hendaklah dikira sebagai 1 meter padu; dan
- c) Bagi permohonan di bawah S92D(1), premium yang boleh dikenakan ialah dalam bentuk premium tambahan ke atas tanah milik paras bumi. Tanah milik paras bumi juga boleh dikenakan cukai yang baru.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

☐ Sekatan terhadap hakmilik stratum:

a) Kebenaran khusus perlu diperolehi terlebih dahulu untuk:

- Pemindahan bahan batuan keluar daripada sempadan lot tanah atau stratum.
- Mengambil bahan logam atau galian daripada bahan batuan.

Pelupusan Tanah Bawah Tanah

- ❑ Pemberimilikan tanah pesisir pantai dan dasar laut:
 - i. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberimilik tanah pesisir pantai dan dasar laut dalam bentuk pajakan tidak melebihi 99 tahun;
 - ii. Hakmilik didaftarkan dalam bentuk hakmilik Pejabat Pendaftar; dan
 - iii. Syarat-syarat 'mutatis mutandis' peruntukan pemberimilikan tanah paras bumi.

Alienation (Sarawak)

Discretion to alienate

S13.(1) Subject to the direction of the Minister under section 3(1A), the Director may alienate State land, other than Native Customary Land

[Sub. Ord. No. 8/84.]

(a) in perpetuity or for such terms as may be fixed by rules made under this Code for the respective classes of land referred to in such rules;

(b) in consideration of the payment of an annual rent;

(c) in consideration, unless the Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri thinks fit to exempt therefrom in any particular case, of the payment of a premium, and where the alienation has been made in consideration of the payment of a premium, the amount of the premium shall be stated. The payment of the premium, if any, may be made either by a single payment or by instalments over a period not exceeding ten years as may be determined by the Superintendent;

[Am. Ord. No. 9/76; Am. Cap. A28.]

Alienation (Sarawak)

(d) subject, unless the Director otherwise directs, to a category of land use being endorsed on the document of title; and

(e) subject to any such other conditions and restrictions as may be imposed by the Director.

(2) Subsection (1) shall apply with such modifications as may be necessary to the issue of licences or permits in respect of State land.

(3) The powers hereby vested in the Director may be exercised by a Superintendent, subject to the Director's instructions and the Minister's directions.

[Am. Ord. No. 18/71; Am. Ord. No. 8/84.]

(4) The powers hereinbefore conferred shall include power to consent to modification of any conditions imposed by or on behalf of the Government, whether before or after the 1st day of January, 1958.

[Am. Ord. 18/71.]

Alienation (Sarawak)

(5) Notwithstanding the powers conferred by this section, State land shall not be alienated to any person except

[Sub. Ord. 18/71.]

(a) a natural person;

(b) a corporation having power under its constitution to hold land;

(c) a sovereign or government;

(d) an organisation or other person authorized to hold land under the provisions of any law for the time being in force relating to diplomatic and consular privileges;

(e) a body expressly empowered to hold land under any other written law; and

(f) any person or body, not referred to in paragraphs (a) to (e), approved by the Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri as a person or body who may be registered as the proprietor of land.

[Am. Ord. No. 9/76; Am. Cap. A28.]

Alienation (Sarawak)

(6) Nothing in this section shall authorize the alienation of any State land whereon a planted forest has been established pursuant to a licence issued under section 65B of the Forests Ordinance [**Cap. 126 (1958 Ed.)**], until and unless such land has been declared by the Minister to have ceased to be part of the permanent forests of the State, but no such declaration shall be made during the period of validity of such licence without the prior written consent of the holder thereof.

Alienation (Sarawak)

No acquisition of land by foreigners

S13A. Notwithstanding anything in this Code or any other written law relating to land no estate, interest or right in any land may be held or acquired by any of the following:

(a) any person who is not a Malaysian citizen and not permanently resident in Sarawak;

(b) any foreign company, corporation, society, association or other body, which is not registered in Malaysia under any written law applicable thereto; and

(c) any person or body corporate which is a trustee under a trust any beneficiary of which is

(i) a person who is not a Malaysian citizen and not permanently resident in Sarawak; or

(ii) a foreign company, corporation, society, association or other body which is not registered in Malaysia under any written law applicable thereto.

Alienation (Sabah)

Alienation of State land

S9. (1) Subject to any general or special direction of the Cabinet the Director may alienate State land on such terms or in such manner as is authorised by this Ordinance and may also impose special conditions in respect thereof to be set out in the title.

- (2) In particular such conditions may specify the particular product or class of products which or which alone is to be cultivated, and may forbid the cultivation of any particular product or class of products.

No alienation of State land in certain areas

S9A. Notwithstanding section 9, there shall be no alienation of State land in the areas specified in Schedule IIA.

<i>No.</i>	<i>Locality</i>	<i>Approximate Area in Acre/Hectare(s)</i>	<i>Plan No.</i>
1.	Kota Kinabalu	3,830 acres (1,550 hectares)	01126813

Alienation (Sabah)

State land to whom alienable

S10. State land may be alienated only to –

(a) an individual person or persons:

Provided that in the case of a minor an adult person shall be added as guardian;

(b) a company, body corporate or society registered or specifically exempted from registration under any written law:

Provided that it is not prohibited by its constitution from holding land;

(c) (Deleted);

(d) any other person or body which may hereafter be empowered by the Minister by rule hereunder to hold land within Sabah.

Alienation (Sabah)

Restriction on alienation in Reserve

S79. (1) No document of title shall be registered in respect of any land lying within a Native Reserve declared under the provisions of this or any previous Land Ordinance but the Yang di-Pertua Negeri may, if he deems fit either generally or in any particular case, sanction the alienation to natives by entry in the Register of Native Titles or Field Register of any area of land within a Native Reserve declared under section 78 or under any such previous Land Ordinance to be a Native Reserve for the purpose of providing land for future cultivation by natives.

PELUPUSAN MELALUI PERIZABAN (S62-S64)

Perizaban

☐ Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan merizabkan mana-mana tanah kerajaan untuk maksud awam. Pemberitahuan dalam Warta hendaklah:

- i. Memperihalkan tanah maksud rizab tersebut;
- ii. Memperihalkan maksud perizaban itu;
- iii. Menentukan pegawai yang mengawal rizab yang tersebut; dan
- iv. Menjadi keterangan yang muktamad bahawa tanah yang diwartakan itu adalah rizab bagi maksud awam.

Perizaban

❑ Salinan warta berkenaan hendaklah disiarkan menurut peruntukan S433 iaitu:

- i. Ditampalkan di tempat yang sesuai di atas tanah yang berkaitan, pejabat Penghulu atau balai dalam kawasan di mana tanah itu berada;
- ii. Di bangunan mahkamah, masjid, pasar dan lain-lain tempat awam (jika ada) yang Pihak Berkuasa Negeri memikirkan perlu; dan
- iii. Menyiarkan di dalam akhbar-akhbar yang diedarkan dalam negeri berkenaan sekiranya difikirkan perlu.

Pajakan Tanah Rizab (S63)

❑ Pihak Berkuasa Negeri boleh memajakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana tanah rizab awam atas permohonan oleh tidak melebihi 21 tahun:

- a) Pegawai yang mengawal tanah itu; atau
- b) Mana-mana orang atau badan yang telah mendapat kelulusan awal daripada pegawai pengawal rizab tersebut.

❑ Pajakan tanah rizab awam diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat nyata menggunakan Borang 4E(4AA) dan tempoh pajakan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 21 tahun.

Syarat-Syarat Pajak

- Setiap pajak akan habis pada hari yang dinyatakan dalam Borang 4E(4AA) KTN, Akta 828.
- Tamat apabila pemegang pajak meninggal dunia atau badan itu dibubarkan.
- Boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa apa-apa pampasan apabila pelanggaran peruntukan yang ditetapkan dalam pajak.
- Boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh pajak dengan membayar pampasan yang dipersetujui atau ditentukan menurut peruntukan S434.
- Syarat-syarat lain yang ditetapkan di dalam pajak itu.

Syarat-Syarat Pajak

- Tanah rizab awam boleh dipajakan kepada:
 - a) Mana-mana orang atau badan di bawah S43; dan
 - b) Syarat-syarat lain:
 - i. Bagi tanah dalam kawasan simpanan Melayu hanya kepada orang Melayu;
 - ii. Bagi tanah yang diisytiharkan sebagai kawasan orang asli atau simpanan orang asli kepada orang asli sahaja; dan
 - iii. Di Kelantan hanya kepada rakyat Kelantan sahaja.

Pembatalan Tanah Rizab Awam (S64)

- ❑ Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa membatalkan perizaban sesuatu tanah awam sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.
- ❑ Apabila Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sesuatu perizaban tersebut, notis cadangan tersebut hendaklah disiarkan di dalam Warta Kerajaan dengan dinyatakan sekali masa dan tempat di mana siasatan akan diadakan dengan tujuan pembatalan berkenaan oleh Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri.
- ❑ Salinan perwartaan hendaklah disiarkan menurut peruntukan S433.

Pembatalan Tanah Rizab Awam (S64)

- ❑ Pihak Berkuasa Negeri tidak boleh membatalkan rizab tersebut sehingga Pihak Berkuasa Negeri menimbangkan laporan daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri yang memperihalkan apa-apa bantahan yang diterimanya semasa siasatan dan pemerhatiannya terhadap bantahan tersebut serta pemerhatiannya terhadap cadangan pembatalan tersebut secara umum.
- ❑ Setelah menimbang laporan tersebut, Pihak Berkuasa Negeri boleh membatalkan rizab tersebut sama ada sebagaimana cadangan yang diwartakan atau cadangan pindaan sebagaimana yang dirasakan perlu dan dikehendaki.
- ❑ Apa-apa pajakan atas tanah rizab tersebut yang masih wujud pada masa perizaban tanah tersebut dibatalkan adalah terus berkuasa.

PELUPUSAN MELALUI LESEN (S65-S75G)

Lesen Pendudukan Sementara

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

☐ Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pendudukan melalui Lesen Pendudukan Sementara (LPS) (Borang 4A) ke atas:

- i. Tanah Kerajaan;
- ii. Tanah lombong yang pada masa itu tidak digunakan untuk tujuan melombong; dan
- iii. Tanah rizab awam yang pada masa itu tidak digunakan bagi maksud ianya dirizabkan.

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

□ Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah untuk kegunaan sementara sahaja seperti:

- i. Bercucuk tanam bagi tanaman yang tidak kekal dan tanaman bermusim;
- ii. Mendirikan rumah atau binaan sementara yang boleh dialihkan; dan
- iii. Pertunjukan awam seperti sarkas, pameran dll.

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

❑ Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak boleh dikeluarkan untuk maksud:

- i. Melombong;
- ii. Mengeluarkan bahan batuan bagi tujuan mendapatkan logam atau galian daripadanya; dan
- iii. Mengambil hasil hutan.

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

□ Kuasa mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)(S66 Kanun Tanah Negara, Akta 828):

- a) Tanah Kerajaan oleh Pentadbir Tanah Daerah berkaitan;
- b) Tanah lombong oleh Pentabir Tanah Daerah berkenaan yang bertindak dengan kelulusan, dan;
 - i. Pegawai yang pada masa itu ditugaskan mengenai pentadbiran undang-undang perlombongan di dalam negeri berkenaan, dan dengan persetujuan mana-mana pemegang pajakan melombong; dan
 - ii. Orang atau badan yang pada masa itu berhak mendapat kepentingan pajakan atau sijil melombong tanah tersebut.

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

- c) Tanah rizab awam.
 - i. Pentadbir Tanah Daerah berkenaan dengan kelulusan pegawai pengawal rizab tersebut; atau
 - ii. Pegawai pengawal rizab tersebut jika telah diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negari untuk berbuat demikian.

Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

❑ Lesen Pendudukan Sementara (LPS) boleh dikeluarkan kepada:

- a) Mana-mana orang atau badan di bawah S43; dan
- b) Syarat-syarat lain:
 - i. Bagi tanah dalam kawasan simpanan Melayu hanya kepada orang Melayu;
 - ii. Bagi tanah yang diisytiharkan sebagai kawasan orang asli atau simpanan orang asli kepada orang asli sahaja; dan
 - iii. Di Kelantan hanya kepada rakyat Kelantan sahaja.

Syarat-Syarat Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

❑ Tamat tempohnya pada hari akhir tahun ianya dikeluarkan dengan syarat untuk Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang dikeluarkan bagi maksud mengadakan pertunjukan atau hiburan awam, bolehlah dikeluarkan untuk sesuatu tempoh yang sesuai untuk tujuan tersebut.

❑ Pentadbir Tanah boleh atas permohonan pemegang LPS memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tersebut untuk sesuatu tempoh tidak melebihi 1 tahun (dengan membuat catatan mengenainya serta tarikh tamat tempoh di atas LPS yang sama) dengan syarat Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak boleh diperbaharui lebih daripada 3 kali melainkan setelah mendapat kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.



Syarat-Syarat Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

- ❑ Tidak boleh digunakan bagi maksud lain daripada apa yang dinyatakan di dalamnya.
- ❑ Tidak boleh dipindahmilik atau dipusakai.
- ❑ Tamat apabila pemegangnya meninggal dunia atau badan tersebut dibubarkan.
- ❑ Boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa apa-apa pampasan apabila perlanggaran peruntukan yang ditetapkan ke atasnya dilakukan.
- ❑ Boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh dengan membayar pampasan yang dipersetujui.



PELAN PRA-HITUNGAN BAGI PERMOHONAN LESEN MENDUDUKI
SEMENTARA UNTUK JALAN KELUAR MASUK KE LOT PTD 5223
DI ATAS SIMPANAN SUNGAI (SUNGAI SIMPANG ARANG)
MUKIM TANJUNG KUPANG, DAERAH JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM

Skala 1 : 1500
Syll: Plawa : 69-B-M & 70-A-III



REJENJAK
 KAWASAN YANG DIBERIKAN

JABATAN PERREKABENANG



STUDIOKUR
 GEOMATICS SDN BHD,
 NO. 10, JALAN MURNI 11,
 TAMAN MUDA MURNI,
 81000 JOHOR BAHRU,
 JOHOR DARUL TA'ZIM
 TEL: 06-7933010
 FAX: 06-7933017
 E-mail: studio@studiokur.com



Ruj. Kami: PHJ.OP(JS)192/495/214(4)

Tarikh: 26 Ogos 2021
17 Muharram 1443H

Pengarah Eksekutif,
Country Garden Pacificview Sdn. Bhd.,
Country Garden Forest City,
Phoenix Hotel 3rd Floor,
Jalan Forest City 1, Pulau Satu,
81550 Gelang Patah,
Johor.

Tuan,

**KELULUSAN PERMIT PENGGUNAAN BAGI TUJUAN TAPAK JALAN
SEMENTARA (ACCESS ROAD) KE PTD 5380, FOREST CITY, MUKIM TANJUNG
KUPANG, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR SELUAS 1.575 HEKTAR (15,054.045
METER PERSEGI ATAU 162,040.390 KAKI PERSEGI)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 16.06.2021 telah bersetuju meluluskan permohonan Lesen Pendudukan Sementara untuk tapak laluan keluar masuk ini dilaksanakan melalui Permit Penggunaan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dengan dikenakan syarat-syarat berikut:-

- i. Permit Penggunaan dikeluarkan secara tahunan dan diperbaharui setiap tahun;
- ii. Menjelaskan bayaran:-

a) Deposit Permit Penggunaan	-	RM1,000.00
b) Fee Tahunan Permit Penggunaan	-	RM2,000.00
<i>(RM1,000.00/hektar/tahun @ sebahagian daripadanya)</i>		
c) Fee Penyediaan Permit	-	RM 150.00
d) Fee Penyediaan Pelan	-	RM 20.00
- iii. Semua bayaran di atas hendaklah dijelaskan dengan menggunakan bank draf / kiriman wang pos atas nama **Pengarah Perhutanan Negeri Johor dalam tempoh tiga puluh (30) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kegagalan tuan menjelaskan bayaran-bayaran di atas dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan kelulusan ini dibatalkan;

bersambung daripada: PHJ.OP(JS)192/495/214(4) bertarikh 26 Ogos 2021

- iv. Sebelum permit dikeluarkan, pihak tuan disyaratkan supaya menyediakan sempadan kawasan berkenaan melalui khidmat Jurukur Berlesen atau Jabatan Ukur;
- v. Kelulusan ini terbatal sekiranya mana-mana syarat di atas tidak dipatuhi; dan
